چانغ
CANANG
JUN 2020

"Bagi tujuan kebajikan juga, Beta telahpun menitahkan Kementerian-Kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dalam membangun Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan dalam bulan Julai, insya Allah.

Beta sedia memahami, baik sebelum mahupun sesudah tularnya wabak COVID-19, terdapat ramai di kalangan masyarakat yang masih memerlukan bantuan dari pihak Kerajaan.

Maka in syaa Allah, sistem ini nanti akan memudahkan pemohon-pemohon untuk membuat permohonan kepada Kerajaan."

Petikan Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

BERKENAAN JANGKITAN WABAK COVID-19,

HARI ISNIN, 14HB. REJAB 1441 BERSAMAAN 13HB APRIL 2020.

Kementerian Kebudayaaan, Belia dan Sukan (KKBS) berperanan dan diamanahkan untuk melaksanakan pengendalian atau 'custodian' kepada Sistem Kebajikan Negara (SKN), di mana ke arah ini, sebuah 'taskforce' akan ditubuhkan di KKBS bagi melaksanakan pengendalian sistem berkenaan dan KKBS bertanggungjawab untuk mengurus tadbir kesemua permohonan dari pelbagai aspek.

Yang Berhomat Menteri Kebudayaan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, 22 Jun 2020.

KUNJUNGAN HORMAT DARI KETUA-KETUA PERWAKILAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TYT Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad, (United Kingdom dan Eire);
TYT Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin, (Republik Kesatuan Myanmar);
PYT Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Tahir, (Republik Persekutuan Jerman);
PYT Dayangku Hajah Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee, (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Geneva, Switzerland); dan
PYT Pengiran Hairani binti Pengiran Haji Tajuddin, (ASEAN Sekretariat, Jakarta, Republik Indonesia).

Khamis, 18 Jun 2020

Bilik Kunjungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

Tuan Yang Terutama
Richard Lindsay,
Pesuruhjaya Tinggi British.

Rabu, 24 Jun 2020

Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

Tuan Yang Terutama
Peter Herman Wolff,
Duta Besar Istimewa dan Mutlak,
Republik Persekutuan Jerman.

Rabu, 24 Jun 2020

Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG AMAL MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG PENGIRAN BENDAHARA LAMA

Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, BERAKAS, Khamis, 4 Jun - Sejumlah BND181,567.26 hasil sumbangan derma dari orang ramai melalui Jabatan-jabatan Daerah, Tabung-tabung Khas di Masjid-masjid seluruh negara dengan kerjasama dari Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) serta sumbangan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (Progresif dan DST), diagihkan kepada mangsa-mangsa dan pemilik rumah yang ranap (12 buah) dan rosak (empat buah) dalam kejadian kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama pada 8 Januari 2020.

Hadir menyerahkan sumbangan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat Bersama Tabung Amal Mangsa.

MESYUARAT SEARADO

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, Jun 10, - Brunei Darussalam Anti-Doping Committee (BDADC) menghadiri mesyuarat virtual yang dikendalikan oleh The SEARADO Virtual Board Meeting.

MESYUARAT KHAS MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (AMMSWD)

"MITIGATING IMPACTS OF COVID-19 ON VULNERABLE GROUPS IN ASEAN"

Bandar Seri Begawan, Khamis, 11 Jun 2020 - Mesyuarat Khas Menteri-Menteri *ASEAN* mengenai Kesejahteraan dan Pembangunan Sosial telah diadakan melalui persidangan video pada 10 Jun 2020, dan dihadiri oleh semua Menteri *ASEAN* yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan pembangunan sosial dan Setiausaha Agung *ASEAN*. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Khampheng Saysompheng, Menteri Tenaga Kerja dan Kesejahteraan Sosial Lao PDR,Pengerusi AMMSWD.

Dengan tema "Mitigating Impacts of COVID-19 on Vulnerable Groups in ASEAN", Mesyuarat berkongsi pengalaman kebangsaan dan keutamaan strategik masing-masing dalam melaksanakan agenda *ASEAN* berhubung perlindungan sosial and kesejahteraan golongan yang terdedah semasa pandemik ini. Mesyuarat menyokong pelaksanaan usaha-usaha tangkas negara-negara ahli dalam memastikan jaringan keselamatan sosial dan melaksanakan sistem sosial bagi mengurangkan keterdedahan golongan yang berisiko tinggi dengan berpaksikan *risk-informed, evidence-based* dan *shock-responsive* sistem, serta meningkatkan daya tahan mereka secara keseluruhannya. Ini adalah sepertimana yang telah dihasratkan di dalam *Chairman's Statement on ASEAN Collective Response to the Outbreak of Coronavirus Disease 2019*, dan Deklarasi Sidang Kemuncak Khas ASEAN mengenai *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19).

Mesyuarat menyedari perbezaan dan ketidak-seimbangan penyebaran virus terhadap kanak-kanak, miskin, orang tua, wanita dan gadis, orang-orang kurang upaya, dan golongan yang terdedah (*vulnerable*), dan seterusnya bersetuju keperluan yang mendesak untuk menjamin perlindungan mereka dan mempromosikan kesejahteraan mereka di samping menjaga hak dan maruah mereka.

Untuk itu, Yang Berhormat Dato mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan seluruh negara, secara berterusan mengambil langkah-langkah mengurangkan dan membendung *(mitigate and contain)* dengan penyesuaian dan penerapan (*adapt and adopt)* norma-norma baru untuk memelihara, memeduli dan melindungi (*protect, reach out and care)* golongan yang memerlukan. Oleh itu, platform-platform khusus telahpun disediakan. Aplikasi "Bruhealth" adalah satu applikasi penting untuk memelihara mereka yang terdedah melalui fungsi penilaian diri dan pengesanan pendedahan risiko serta memberikan amaran kepada pengguna akan potensi pendedahan bagi pengasingan sendiri atau mengelakkan kawasan awam yang terjejas. Ini juga akan memperkasa mereka dalam penggunaan teknologi sambil melindungi kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat Menteri menambah bahawa platfom untuk memeduli (*reach out*) golongan terdedah semasa penularan wabak COVID-19 terbentuk melalui penubuhan Pusat Operasi Sukarelawan COVID-19 khususnya melalui *platform virtual* untuk memastikan kesaling-hubungan mereka. Melalui badan ini, norma-norma sukarelawan yang ada dan keprihatinan terhadap orang lain diperkukuhan di mana lebih daripada 1,500 individu dari pelbagai latar belakang dan usia yang telah mendaftar sebagai sukarelawan, mengunjungi dan menyampaikan catuan makanan dan peralatan perlindungan kepada mereka yang memerlukan. Pada masa yang sama, pekerja sosial juga telah berusaha dengan penuh optimisme demi kesejahteraan golongan terdedah. Ini juga menimbulkan ancaman serius bagi diri mereka sendiri dan para sukarelawan dan meningkatkan keperluan kita untuk melihat kepada perspektif dan cara untuk memperkukuhkan pekerjaan dan keselamatan mereka. Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam menyambut baik cadangan dari Viet Nam untuk mengadakan Deklarasi ASEAN mengenai Promosi Kerja Sosial.

Dalam menjaga mereka yang terdedah, Yang Berhormat Menteri menekankan bahawa platform dalam talian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan bantuan perniagaan dan NGO, untuk menyelaraskan sumbangan daripada orang-orang seperti Komuniti untuk Brunei pasar maya yang dirancang untuk membantu perniagaan kecil-kecilan, dan juga amal. Dana Kebangsaan COVID-19 *Relief* juga tersedia untuk orang ramai untuk menyumbang secara langsung terhadap usaha negara untuk menangani impak wabak tersebut. Yang Berhormat Menteri turut menekankan pentingnya kaedah teknologi dan platform virtual untuk merealisasikan masyarakat yang lebih memeduli pada masa ini dan akan datang.

Yang Berhormat Menteri, bersama-sama Menteri-Menteri lain, dengan harapan dapat bekerja sama dengan Badan-Badan *ASEAN* yang lain untuk memastikan perlindungan, ketidak-tirisan, dan ketahanan golongan yang miskin dan terdedah di *ASEAN*.

Mesyuarat bersetuju bahawa *ASEAN* harus terus bersatu-padu dan bekerjasama dalam memperkukuhkan kerjasama serantau dan menyokong tindakan di semua peringkat dengan menempatkan golongan miskin dan terdedah di tengah-tengah semua usaha tindak balas dan langkah pemulihan wabak *COVID*-19.

Para Menteri juga sebulat suara bersetuju untuk menyedikan akses kepada perlindungan sosial dengan peruntukan dana awam yang bersesuaian; memperkukuhkan kerjasama antara agensi-agensi di peringkat kebangsaan dan juga kerjasama antara sektor di peringkat ASEAN; berusaha untuk menyediakan program pemulihan pasca wabak yang komprehensif dan bersepadu melalui kaedah teknologi; dan menjamin kesihatan dan keselamatan pekerja sosial dan sukarelawan.

• •

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SUNGKUP MUKA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun - Peradian Brunei, kumpulan rangkaian komuniti yang terdiri daripada FERA Health and Nursing Care Sdn. Bhd., Project Big BWN, Kunyit 7 Lodge dan Rasimoon Adinin telah menyerahkan sekitar 4,000 sungkup muka jenis kain kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin untuk disumbangkan kepada penduduk (berisikio tinggi).

Antara penerima sungkup muka yang dihasilkan oleh 15 penjahit di bawah program PPB itu ialah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya, Pusat Bahagia, Pusat Kegiatan Warga Emas, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Kompleks Rumah Kebajikan.

KURSUS VIRTUAL ANTI-DOPING RULES

Yang Mulia Kolonel (B) Pg Hj Zulkifli bin Pg Hj Ismail selaku Timbalan Pengerusi BDADC menyertai kursus Virtual Anti Doping Rules

BANDAR SERI BEGAWAN, *Rabu, 17 Jun* - World Anti Doping Agency (WADA) telah menyelaras Kursus Virtual *Anti-Doping Rules*.

Kursus ini diihadiri oleh ahli-ahli Lembaga SEARADO, dan bagi Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh ahli-ahli daripada Brunei Darussalam Anti-Doping Committee, BDADC, wakil dari Jabatan Peguam Negara dan beberapa pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku pemerhati.

PEMANTAUAN PREMIS DAN FASILITI SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Jun - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) membuat lawatan ke beberapa premis dan fasiliti sukan di negara ini bagi memantau dan memastikan premis atau pusat kecergasan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan KKBS berkenaan COVID-19.

Langkan pemantauan ini adalah berikutan pelaksanaan pelan 'de-escalation' tahap kedua; dan pengemaskinian garis panduan yang telah disediakan oleh KKBS berdasarkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan dalam mengawal dan menangani jangkitan COVID-19.



MESYUARAT MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC) KE-23

Bandar Seri Begawan, 24 Jun – Kesan pandemik COVID-19 mendorong ASEAN untuk terus menyesuaikan keadaan kepada situasi dan menerima norma-norma baharu dengan keazaman kuat untuk lebih bersepadu dalam usaha menanganinya. Ini diketengahkan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, semasa menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) Ke-23, yang diadakan melalui sidang video kelmarin.

Mesyuarat ASCC Ke-23 tersebut dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dao Ngoc Dung, Minister of Labour, Invalids and Social Affairs, Republik Sosialis Vietnam dan turut disertai oleh Menteri-Menteri ASCC dan wakil, serta Setiausaha Agung ASEAN.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri ASCC bersetuju untuk meneruskan usaha ASEAN dalam menangani impak pandemik COVID-19 terhadap sosio-ekonomi rantau ini serta bersetuju untuk mengenal pasti peluang-peluang untuk menggiatkan semula (re-vitalisation) rantau ASEAN pasca-pandemik. Menteri-Menteri juga menyambut baik sumbangan aktif badan-badan sektoral ASCC terhadap usaha-usaha serantau yang diselaraskan ke arah menangani pandemik COVID-19. Inisiatif-inisiatif antara-sektor yang bersepadu telah membolehkan penghasilan pelan pemulihan pasca-pandemik (post-pandemic recovery plan) yang bertujuan untuk memulihkan pekerjaan dan keadaan kehidupan para pekerja yang terjejas disamping mendorong proses pemulihan golongan-golongan sasaran dari aspek sosial dan ekonomi. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Dato menekankan pentingnya penjalinan tugas ASCC bersama tunggak-tunggak ASEAN sepertimana yang disarankan oleh Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN dalam Deklarasi Sidang Kemuncak Khas ASEAN mengenai COVID-19 pada bulan April 2020 untuk menangani pandemik, mempersiapkan ASEAN serta menerima norma baharu.

Yang Berhormat Dato seterusnya mengongsikan pandangan mengenai usaha-usaha pemulihan ASCC:

(i) Kesediaan Pasaran Buruh pada masa ini dan akan datang dengan memaksimakan penggunaan platform-platform Revolusi Industri ke-4 dalam bidang-bidang utama termasuk kesihatan, pendidikan dan maklumat ke arah menjadikan ASEAN lebih berinovasi untuk memberikan respons yang berkesan. Ini adalah sejajar dengan inisiatif pembelajaran sepanjang hayat terutamanya dari aspek meningkatkan kemahiran (upskilling) dan mempelajari kemahiran yang baru (reskilling) di kalangan masyarakat;

(ii) Memastikan sistem perlindungan sosial disesuaikan kepada perubahan semasa dan tiada ketirisan, dengan memeduli, melindungi dan menjaga golongan -golongan sasaran termasuk mengutamakan kesihatan mental mereka. Peningkatan dari aspek penggunaan teknologi turut penting, dalam mana Negara Brunei Darussalam kini telah memperluaskan perlindungan kesihatan dan kebajikan sosial melalui Aplikasi 'BruHealth' dan Sistem Kebajikan Negara yang akan dilancarkan pada bulan Julai 2020;

(iii) Mempersiapkan belia, khususnya dalam memanfaatkan dan menyalurkan idea-idea inovatif dengan menyediakan platform secara berterusan bagi mereka; dan

(iv) Menyediakan platform yang bersesuaian dan mengukuhkan kerjasama ke arah mengurangkan kesan negatif akibat penyebaran maklumat dan berita palsu, disamping berusaha untuk mengongsikan maklumat yang tepat pada masa.

Dalam mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat Dato mengalu-alukan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal (Mid-Term Review) ASCC Blueprint 2025 serta penyediaan draf Pelan-Pelan Kerja baru badan-badan sektoral ASCC yang membuka peluang perlaksanaan penelitian check and balance ke arah merealisasikan visi komuniti yang mampan, berdaya tahan, dinamik dan inklusif.

Menteri-Menteri ASCC telah mengesahkan Deklarasi ASEAN Declaration on Human Resources Development for the Changing World of Work dan mencadangkan dokumen tersebut untuk dihadapkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-36. Dengan pengesahan Deklarasi tersebut, ianya dihasratkan untuk mengukuhkan lagi komitmen ASEAN dalam mempereratkan lagi kerjasama dalam sektor buruh, pendidikan dan perniagaan dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran baru pada masa hadapan, serta memajukan lagi pendidikan dan pekerjaan yang inklusif. Mesyuarat turut mengambil maklum dan menghargai penubuhan ASEAN TVET Council serta inisiatif-inisiatif serantau untuk mempromosikan kesihatan awam, kerja sosial, kerjasama alam sekitar marin, dan pemerkasaan wanita.

Yang Berhormat Dato turut disertai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

PROGRAM BERBAGI AMAL DAN BANTUAN KEBAJIKAN KEPADA MURID-MURID SEKOLAH

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan penyerahan 'tablet' kepada 6 orang murid yang terpilih.

Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Khamis, 25 Jun – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Program Berbagi Amal Dan Bantuan Kebajikan Kepada Murid-Murid Sekolah yang kurang berkemampuan.

Seramai 6 orang murid dipilih untuk menerima sumbangan berupa satu set tablet digital setiap seorang yang disumbangkan oleh warga KKBS bagi membantu mereka mengikuti sesi pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID-19 di negara ini.

JERAYAWARA SISTEM KEBAJIKAN NEGARA (SKN)

Sesi pembarigaan melalui jerayawara yang melibatkan agensi-agensi yang bertanggungjawab dijalankan sebagai usaha untuk mempersiapkan para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di seluruh negara bagi pelaksanaan Sistem Kebajikan Negara (SKN)

Daerah Brunei Muara

23– 25 Jun 2020

Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Daerah Belait

30 Jun 2020

Dewan Persidangan, Kuala Belait.

PERKEMBANGAN TERKINI WABAK COVID-19 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas - Penerangan

Kenyataan Media, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 06 Jun 2020.

Sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan berikutan perkembangan terkini wabak COVID-19 dalam dua perkara:

1. PENGEMASKINIAN PROSES DE-ESCALATION FASA PERTAMA (OPERATIONAL READINESS LEVEL 1) BAGI PUSAT SUKAN TERTUTUP (INDOOR) DAN PUSAT SUKAN LUAR (OUTDOOR).

2. PERLAKSANAAN PROSES DE-ESCALATION FASA PERTAMA (OPERATIONAL READINESS LEVEL 1) BAGI PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK (CHILD CARE CENTRE) DAN PUSAT ORANG KELAINAN UPAYA.

Perkara pertama, pengemaskinian proses *de-escalation* fasa pertama bagi Pusat Sukan Tertutup *(Indoor)* dan Pusat Sukan Luar *(Outdoor)*. Sukacita merujuk kepada Kenyataan-kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertarikh 3 Jun 2020 dan 14 Mei 2020 mengenai perlaksanaan pelan *de-escalation* fasa pertama (ataupun *Operational Readiness Level 1*) bagi 4 jenis pusat dan fasiliti sukan di seluruh negara iaitu *gym* dan *fitness centres*; fasiliti sukan tertutup (*indoor*); fasiliti sukan luar (*outdoor*) dan Padang Golf, Alhamdulillah, berasaskan kepada kenyataan Kementerian Kesihatan mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19, sukacita dimaklumkan sepertimana jua di dalam Kenyataan Media bertarikh 3 Jun 2020, syarat dan garispanduan tersebut telah dikemaskini dalam mana sukan-sukan '*single match*' ataupun satu lawan satu adalah dibenarkan dimana garispanduan sebelum ini hanya membenarkan sukan-sukan perseorangan (*solo player*) sahaja. Sukan-sukan '*single match*' yang dibenarkan bagi fasiliti sukan tertutup (*indoor*) ialah Badminton; Skuasy; Ping Pong; dan Sukan Kiu manakala fasiliti sukan luar (*outdoor*) ialah Tennis; Boling Padang; Petanque; dan Memanah. Sebagai tambahan, sukan Ten Pin Bowling juga adalah dibenarkan bagi fasiliti sukan tertutup (*indoor*). Syarat dan garispanduan bagi fasiliti sukan iaitu *gym* dan *fitness centres* dan padang golf adalah dikekalkan seperti yang sebelumnya.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, hadir di sidang media.

Perkara kedua, perlaksanaan de-escalation fasa pertama (Operational Readiness Level 1) Bagi Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Child Care Centre) dan Pusat Orang Kelainan Upaya. Atas nasihat Kementerian Kesihatan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengambil langkah untuk melaksanakan fasa pertama (ataupun Operational Readiness Level 1) bagi pembukaan semula Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Child Care Centre) dan Pusat Orang Kelainan Upaya bermula pada pada hari Isnin, 16 Syawal 1441 bersamaan 8 Jun 2020. Di bawah Operational Readiness Level 1, kedua-dua fasiliti tersebut akan beroperasi berpandukan kepada syarat-syarat dan garispandu seperti berikut:

1) Pertama, bagi Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Child Care Centre) sukacita dimaklumkan bahawa sebanyak 43 buah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berdaftar dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Statistik turut menunjukkan bahawa sekitar 550 kanak-kanak telah didaftarkan dibawah pusat-pusat berkenaan. Bagi memastikan pembukaan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah selaras dengan syarat dan garispandu yang telah dipersetujui bersama Kementerian Kesihatan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan membuat pemeriksaan ke atas premis-premis berkenaan bagi kelulusan untuk dibukakan. Setelah diluluskan, Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak tersebut akan dibenarkan untuk beroperasi semula dengan 30% kapasiti sahaja dalam satu masa dan ianya hanya dibukakan kepada kanak-kanak yang berumur 1 tahun ke atas yang tidak mempunyai simptom seperti demam dan selesma serta tidak berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang merbahaya. Aktiviti pusat juga ditumpukan kepada penjagaan sahaja dimana Aktiviti Perkembangan (development) adalah dihadkan.

2) Kedua, bagi Pusat Orang Kelainan Upaya ianya adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan 30% kapasiti sahaja dalam satu masa. Fasiliti tersebut hanya dibukakan kepada Orang Kelainan Upaya ditahap risiko rendah (low risk) sahaja seperti berikut:

(1) Pertama, tidak mempunyai sebarang simptom demam, selesma, masalah penafasan atau sebarang penyakit morbiditi (existing morbidities) seperti Epilepsy, Asthma dan Eczema.

(2) Kedua, berupaya untuk berkomunikasi.

(3) Ketiga, berupaya untuk memelihara kebersihan diri dan mempunyai pengetahuan mengenai kesihatan diri sendiri.

(4) Dan keempat, mempunyai kefahaman mengenai risiko jangkitan COVID-19 dan langkah-langkah untuk menghindari penyebaran jangkitan.

PERKEMBANGAN TERKINI WABAK COVID-19 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas - Penerangan

Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 13 Jun 2020

Sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berikutan perkembangan terkini wabak COVID-19. Alhamdulillah, dengan izin dan Rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, Negara Brunei Darussalam telah mula meningkatkan pelan *de-escalation* kepada Tahap Kedua. Oleh yang demikian, dengan berdasarkan keadaan pada ketika ini serta di atas nasihat Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan mengenai dua perkara:

1. PERLAKSANAAN *DE-ESCALATION* TAHAP KEDUA (*OPERATIONAL READINESS LEVEL 2*) BAGI *GYM* DAN *FITNESS CENTRES*; FASILITI SUKAN TERTUTUP (*INDOOR*); FASILITI SUKAN LUAR (*OUTDOOR*) DAN PADANG GOLF.

2. PERLAKSANAAN *DE-ESCALATION* TAHAP PERTAMA (*OPERATIONAL READINESS LEVEL 1*) BAGI PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE), MUZIUM-MUZIUM, GALERI-GALERI PAMERAN DAN PERPUSTAKAAN.

Perkara pertama, perlaksanaan *de-escalation* tahap kedua bagi pusat dan fasiliti sukan. Sukacita merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertarikh 6 Jun 2020 mengenai pengemaskinian *de-escalation* tahap pertama bagi Pusat Sukan Tertutup *(Indoor)* dan Pusat Sukan Luar *(Outdoor)* dan Kenyataan Media bertarikh 14 Mei 2020 mengenai perlaksanaan pelan *de-escalation* tahap pertama bagi *gym* dan *fitness centres*; fasiliti sukan tertutup (*indoor*); fasiliti sukan luar (*outdoor*) dan Padang Golf, Alhamdulillah, berasaskan kepada kenyataan Kementerian Kesihatan mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil langkah untuk memulakan perlaksanan *de-escalation* tahap kedua (*Operational Readiness Level 2*) bagi keempat-empat jenis pusat dan fasiliti sukan yang tersebut bermula **pada hari Isnin, 23 Syawal 1441 bersamaan 15 Jun 2020**. Di bawah *Operational Readiness Level 2*, kapasiti yang dibenarkan bagi keempat-empat fasiliti berkenaan telahpun dikemaskini manakala syarat dan garispandu lain adalah dikekalkan seperti yang sebelumnya. Kapasiti yang dibenarkan adalah seperti berikut:

1) **Pertama, bagi gym, *fitness centres*, fasiliti sukan tertutup (*indoor*) dan fasiliti sukan luar (*outdoor*)** ianya adalah dibenarkan untuk **beroperasi dengan 60% kapasiti** dalam satu masa.

2) **Dan Kedua, bagi Padang Golf** ianya adalah **dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight* manakala kenderaan *Buggy* hanya boleh menampung seorang pengguna pada satu masa.

Perkara kedua, perlaksanaan pelan de-escalation tahap pertama (Operational Readiness Level 1) Bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan. Atas nasihat Kementerian Kesihatan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengambil langkah bagi perlaksanaan tahap pertama (ataupun Operational Readiness Level 1) pembukaan semula Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan bermula pada pada hari Isnin, 15 Jun 2020 yang mana telah ditutup sejak 16 Mac 2020. Di bawah Operational Readiness Level 1, fasiliti-fasiliti tersebut akan beroperasi berpandukan kepada syarat dan garispandu seperti berikut:

1) Pertama, bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) ianya adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan 30% kapasiti sahaja dalam satu masa. Pusat ini hanya dibukakan kepada Warga Emas yang berisiko rendah (low risk) iaitu tidak mempunyai sebarang penyakit kronik disamping tidak mempunyai sebarang penyakit atau simptom seperti demam dan selesma. Aktiviti pusat juga dihadkan kepada aktiviti dalaman dimana aktiviti luar (outdoor) adalah tidak dibenarkan.

2) Dan kedua, bagi Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan ianya adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan 30% kapasiti dalam satu masa sahaja tertakluk kepada kapasiti ruang dan jika berkumpulan, ianya tidak melebihi 30 orang dalam satu masa tertakluk juga kepada kapasiti ruang. Fasiliti -Fasiliti tersebut hanya dibukakan kepada orang ramai yang tidak mempunyai sebarang penyakit atau simptom seperti demam dan selesma serta tidak berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang merbahaya. Fasiliti-Fasiliti juga akan dibukakan tiga hari dalam satu minggu bagi tempoh 5 jam sehari. Bagi Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan dibawah kawalan Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan ianya akan dibukakan pada hari Selasa, Khamis dan Ahad dan hari-hari operasi bagi Galeri-Galeri Pameran lain adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas - Penerangan

Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 22 Jun 2020.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berperanan dan diamanahkan untuk melaksanakan pengendalian atau custodian kepada Sistem Kebajikan Negara (SKN). Kearah ini, sebuah taskforce akan ditubuhkan di KKBS bagi melaksanakan pengendalian sistem ini. KKBS bertanggungjawab untuk mengurustadbir kesemua permohonan dari aspek:

Pertama - Mengumpulsatukan (collate) kesemua permohonan serta memastikan data dan maklumat yang dimasukkan kedalam sistem ini adalah tepat dan betul;

Kedua - Menyalurkan permohonan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) atau kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk dibuat penilaian dan keputusan; dan

Ketiga - Memantau perkembangan permohonan dan keputusan permohonan.

2. Dalam masa yang sama, taskforce ini juga berperanan untuk membuat penganalisaan dan penyediaan laporan bulanan secara berterusan. In shaa Allah, SKN ini akan berupaya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai eco-system bantuan di negara ini dengan telus, jelas serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diagihkan. Sistem ini akan dapat memberikan gambaran profil iaitu demografi dan latarbelakang pemohon termasuk ahli keluarga mereka serta jenis bantuan yang dapat disalurkan. Oleh yang demikian, sistem ini akan dapat menghasilkan peta penerima-penerima bantuan yang akan membolehkan penganalisaan dan intervensi yang bersesuaian, termasuk bagi menangani pengangguran dan mendapatkan pekerjaan dan kemahiran kepada pemohon-pemohon dan tanggungan kearah memutuskan kitaran kemiskinan (poverty cycle) atau jurang kemiskinan.

3. Saya ingin mengongsikan bahawa jumlah terkini penerima Bantuan Kebajikan Bulanan melalui JAPEM adalah seramai 5,678 ketua keluarga manakala penerima asnaf fakir dan miskin melalui MUIB adalah seramai 3,773 ketua keluarga, yang membawa jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan kepada 9,451 ketua keluarga. Adalah dihasratkan kesemua penerima ini akan mengemaskinikan profil masing-masing ke dalam SKN. Bermula hari ini, para penerima bantuan yang sedia ada ini bolehlah mengemaskinikan profil masing-masing dengan menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Seterusnya, mulai 15 Julai 2020, pendaftaran dan permohonan bantuan oleh pemohon baru serta pengemaskinian profil oleh penerima bantuan yang sedia ada akan dapat dibuat terus secara dalam talian (online).

4. Sebagaimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi, pada peringkat awal ini, permohonan melalui SKN hanya akan dibukakan kepada rakyat dan penduduk NBD bagi skim 'Bantuan Kebajikan Bulanan' yang dikendalikan oleh JAPEM, KKBS dan juga skim 'Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin' di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Insha Allah, permohonan bagi bantuan-bantuan lain seperti Pencen Umur Tua, Elaun Kurang Upaya, catuan makanan, bantuan membaik pulih rumah ataupun permohonan rumah, Pusat Penempatan Sementara akan masih menggunakan tatacara yang berjalan sebelum ini dan Insha Allah, akan dapat dibuat melalui SKN pada fasa seterusnya.

5. Sukacita saya seterusnya mengongsikan bahawa kriteria kelayakan bagi permohonan bantuan kebajikan bulanan di JAPEM dan MUIB adalah tidak berubah, yang mana pemohon-pemohon bolehlah memilih untuk mendapatkan bantuan daripada JAPEM ataupun MUIB. Manakala bagi mereka yang bukan beragama Islam, permohonan akan diproses oleh pihak JAPEM mengikut garispandu yang sedia ada. Saya ingin memaklumkan bahawa adanya perubahan dari aspek perkiraan garis kelayakan bagi pemohon bantuan melalui JAPEM. Perkiraan garis kelayakan ini akan disejajarkan dengan Kos Minima Keperluan Asas (KMKA) menggunakan Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) Modified Scale seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi.

6. Bagi permohonan melalui SKN, pemohon dikehendaki untuk mengikuti tatacara berikut:

   Pertama - Pemohon hendaklah terlebih dahulu mempunyai akaun emel yang sah bagi membolehkan pemohon untuk membuat pendaftaran yang mana emel ini juga akan digunakan sebagai pengesahan penerimaan pendaftaran akaun SKN.

   Kedua - Menyertakan dan melengkapkan dokumen-dokumen peribadi dengan memuat naik (upload) imbasan (scan) kad pintar pemohon dan suami/isteri/anak dalam tanggungan, sijil kelahiran anak-anak, sijil perkahwinan/cerai, penyata gaji pemohon dan isteri, dan borang pengesahan ketua kampong.

7. Seterusnya disampaikan bahawa para penerima BKB yang sudah berdaftar dengan JAPEM dan penerima wang agihan zakat dari MUIB akan menerima pesanan ringkas atau SMS yang mengandungi link masuk ke laman sesawang SKN untuk membolehkan mereka membuat pendaftaran dan menggunakan sistem berkenaan. Bagi penerima yang tidak menerima pesanan ringkas dari SKN, mereka bolehlah mengemaskini nombor telefon bimbit mereka dengan menghubungi Talian Kebajikan 141. Dimaklumkan juga, talian Kebajikan 141 ini juga akan dilaratkan bagi menangani apa jua permasalahan yang ditimbulkan mengenai dengan SKN bermula 23 Jun 2020.

8. Bagi mana-mana pemohon yang tidak mempunyai akses kepada komputer atau telefon bimbit, mereka boleh membuat pendaftaran di kesemua cawangan JAPEM yang berdekatan. Selain pegawai dan kakitangan JAPEM, Ketua-Ketua Kampong juga akan membantu pemohon untuk membuat pendaftaran tersebut.

9. Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian Helpline Kebajikan 141, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS bermula 23hb Jun 2020, pada mana talian ini akan beroperasi 24 jam.

GARISMASA JANGKITAN WABAK COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- 2 Jun, Sesi persekolahan Deescalation Tahap 1.
- 15 Jun - Brunei telah mengesahkan kematian ketiga, (kes ke– 122)



Rujukan: Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, *03 Jun 2020*

Rujukan: Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, *06 Jun 2020*





Rujukan:

Kenyataan Media

Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan,

13 Jun 2020













6/30/20
7:12 PM

SITREP PUSAT PENGURUSAN OPERASI SUKARELAWAN COVID19					
STADIUM TERTUTUP, KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH					
BAHAGIAN A					
JUMLAH KESELURUHAN SUKARELAWAN					
TARIKH		JUMLAH			
30 JUN 2020 (SELASA)		1612 + 4 (Pendaftaran Baru) = 1616 Sukarelawan			
BAHAGIAN B					
PENGHANTARAN SUKARELAWAN *DEPLOYMENT*					
TEMPAT		TEMPAT		TEMPAT	
(BM) RIPAS HOSPITAL	62	(BM) EMPIRE HOTEL	4	(TT) SG KELUGOS	1
(BM) GADONG HC	8	(BM) BADIAH HOTEL	4	(KB) SG LIANG HC	1
(BM) BERAKAS HC	8	(BM) STARLODGE HOTEL	4	(KB) SERIA HC	4
(BM) SEKURONG HC	2	(BM) MULIA HOTEL	4	(KB) SSBHKB	7
(BM) PENGKALAN BATU HC	1	(BM) AMAN HILLS HOTEL	4	HOME QUARANTINE ISOLATION	2
(BM) RADISSON HOTEL	3	(BM) RIZQUN HOTEL	3		
(BM) CAPITAL RESIDENCES	3	(BM) WAFA HOTEL	2		
(BM) BRUNEI HOTEL	2			TOTAL	129
BAHAGIAN C					
PENGURUSAN OPERASI					
TARIKH		JUMLAH			
30 JUN 2020 (SELASA)		25 ORANG			
		1 BUAH BAS (22 SEATER), 1 BUAH KERETA PAJERO DAN 1 BUAH VAN			
BAHAGIAN D					
PERANCANGAN					
1. Penyediaan Sukarelawan untuk tugasan di Pusat-Pusat Pengasingan mengikut jadual kerja sedia ada.					
2. Bertugas bagi isolation discharge di tempat - tempat yang dikhaskan pada 01/07/2020.					
BAHAGIAN E					
ISU - ISU BERBANGKIT					
NIL					
BAHAGIAN F					
KEMASYARAKATAN					
DONATION DRIVE	7				
				TOTAL	7

MAJLIS PELANCARAN VIDEO KLIP 100 HARI SUKARELAWAN BELIA

Kita Berjuang Bersama

كيت برجواڠ برسام

Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, 25 Jun - Majlis Pelancaran Video Klip 100 Hari Sukarelawan Belia Dan Warta Belia Edisi Pertama bagi menandakan pencapaian genap 100 Hari Penubuhan Sukarelawan Belia yang berkhidmat dan menabur jasa bakti sebagai pasukan barisan hadapan disepanjang pandemik jangkitan Covid-19 di negara ini.

IMPLEMENTASI KOD QR APLIKASI BRUHEALTH

06.06.2020



PROJEK WARGA KKBS BERBAKTI KEPADA TANAH

10.06.2020

WEBINAR RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA

23.06.2020

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.